

18 JUL, 2025

FAMA sasar buka 50 cawangan Kopiesatu dalam masa tiga tahun

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA sasar buka 50 cawangan Kopiesatu dalam masa tiga tahun

REMBAU: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan sebanyak 50 cawangan Kopiesatu dalam tempoh tiga tahun akan datang, sekali gus mengangkat jenama kopi tempatan dalam kalangan usahawan setempat.

Ketua Pengaruhnya, Abdul Rashid Bahri berkata, jenama kopi berkenaan yang mendapat permintaan menggalakkan itu telah membuka 23 cawangan di seluruh negara dan 13 daripada beroperasi di bawah pihaknya sendiri.

Menurutnya, 10 lagi cawangan diusahakan oleh usahawan melalui program pelesenan meliputi pelbagai kemudahan dan sokongan seperti pentadbiran, latihan, sistem perisian POS, uniform

berjenama Kopiesatu, promosi, pemantauan serta sokongan pelesenan berterusan.

“FAMA sasar 50 cawangan Kopiesatu dalam masa tiga tahun (akan datang). Buat masa ini, kami lihat sambutan yang diterima luar biasa. Ini merupakan kejayaan terbaik kami dan kami bukan nak berlawan sangat dengan jenama lain.

“Usaha utama kita lebih kepada untuk meningkatkan usahawan-usahawan kafe kopitiam pada kadar mampu milik. Setakat ni, cawangan Kopiesatu ada di pejabat kerajaan, stesen minyak dan lain-lain lagi.

“Walaupun kami tak terlalu agresif, tapi Kopiesatu ada segmen yang baik. Kopiesatu akan

terus memainkan peranan penting dalam merancakkan sektor makanan dan minuman serta industri asas tanah negara melalui penglibatan aktif usahawan tempatan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sempena Majlis Perasmian Pembukaan Outlet Kopiesatu di Petron Pedas, di sini, semalam.

Untuk rekod, Kopiesatu merupakan jenama kopi tempatan milik penuh FAMA yang telah berada di pasaran sejak tahun 2001.

Inisiatif berkenaan bukan sahaja menawarkan cita rasa kopi tempatan yang berkualiti tinggi, malah berperanan sebagai platform pembangunan usahawan, khususnya dalam bidang ma-

kanan dan minuman.

Dalam pada itu, Abdul Rashid berkata, objektif utama pembubuhan Kopiesatu adalah untuk menjadi peneraju kepada usahawan kecil dan sederhana dalam industri kopi, memenuhi permintaan terhadap produk kopi tempatan dan seterusnya mempromosikan industri asas tanah negara.

Malah menurutnya, Kopiesatu turut memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kewujudan jenama kopi tempatan yang berkualiti tinggi serta berdaya saing.

“Model perniagaan Kopiesatu ditawarkan secara pelesenan dengan yuran sebanyak RM20,000.



18 JUL, 2025

FAMA sasar buka 50 cawangan Kopiesatu dalam masa tiga tahun

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

REMBAU: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan sebanyak 50 cawangan Kopiesatu dalam tempoh tiga tahun akan datang, sekali gus mengangkat jenama kopi tempatan dalam kalangan usahawan setempat. Ketua Pengarahnya, Abdul Rashid Bahri berkata, jenama kopi berkenaan yang mendapat permintaan menggalakkan itu telah membuka 23 cawangan di seluruh negara dan 13 daripada beroperasi di bawah pihaknya sendiri.